



Available on the iPhone
App Store

GET IT ON
Google Play

Selasa, 10 Januari 2023, 9:10am



MINDA PEMBACA

KOMENTAR

AGAMA

SASTERA

KOLUMNIS

LAIN-LAIN (RENCANA)

Mekanisme subsidi bersasar perlu telus bagi banteras ketirisan

Oleh [Prof Madya Dr Chan Sok Gee](#) dan [Prof Madya Dr Zulkufly Ramly](#) - Disember 6, 2022 @ 12:30pm
bhrenanca@bh.com.my



PEMBERIAN subsidi menjadi antara topik perbincangan popular di negara ini untuk sekian lamanya kerana berkait rapat dengan harga barang dan kebajikan rakyat.

Ia menjadi mekanisme penting dalam usaha kerajaan mengawal kenaikan kadar inflasi terutama ketika ketidaktentuan dalam rantai bekalan makanan dan peningkatan harga bahan api. Ketidaktentuan ini berpunca perubahan iklim dunia, kesan jangka panjang pandemik COVID-19 dan ketegangan politik berpanjangan di Eropah Timur.

Pemberian subsidi bukanlah baharu, bahkan wujud sejak zaman perdagangan merkantil sebelum Revolusi Industri bagi melindungi pengilang tempatan. Pemberian subsidi pada zaman moden adalah dalam bentuk bayaran langsung atau tidak langsung, bayaran pindahan atau keistimewaan diberikan kepada firma perniagaan, isi rumah dan agensi kerajaan tertentu.

Tujuan pemberian subsidi ini adalah untuk merapatkan jurang ketidaksamaan pendapatan dan mengekang kenaikan kadar inflasi serta meningkatkan peluang pekerjaan.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Subsidi bersasar perlu penelitian tuntas, rangkumi semua pihak - Pemerhati
- Subsidi bersasar, kerajaan akan guna pangkalan data bersepada
- Pengguna tak setuju subsidi RON95 ikut cc kereta

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 16m [○ Tiada tsunami dikesan selepas gempa bumi 7.6 magnitud landa timur Indonesia](#)
- 18m [○ Wanita maut dirempuh treler ketika berhenti di bahu jalan](#)
- 34m [○ 12 maut akibat protes di Peru](#)
- 38m [○ Blue rai ulang tahun ke-20 di Malaysia](#)
- 39m [○ Rundingan agihan kerusi PN selesai 80 peratus - Hadi Awang](#)
- 55m [○ Lloris tamatkan karier antarabangsa](#)
- 1h [○ Jumlah jemaah haji tahun ini kembali seperti sebelum pandemik](#)
- 1h [○ Tujuh cedera nahas sembilan kendaraan di lebuh raya](#)

TRENDING



[KES](#) 2 jam yang lepas
[Tujuh cedera nahas sembilan kendaraan di lebuh raya](#)



[NASIONAL](#) 8 jam yang lepas
[Anwar restu Hajiji sebagai Ketua Menteri Sabah](#)



[BOLA](#) Jan 9, 2023 @ 8:33pm
[Jurulatih Thailand 'sahkan' gol kedua Harimau Malaya](#)



[SELEBRITI](#) Jan 9, 2023 @ 7:51pm
[Anak Jins Shamsuddin menang lawan dua abang](#)



[NASIONAL](#) Jan 9, 2023 @ 5:13pm
[Di mana Cikgu Musthafa Kamal, hampir sebulan hilang ketika umrah di Makkah](#)

OHBULAN



[MABUK](#) sejam yang lepas
[Bunuh Suami Depan Anak, Isteri Dan Teman Lelaki Diberkas](#)



[TEUKU RYAN](#) sejam yang lepas
[Bawa Bayi 6 Bulan Naik Jetski & ATV, Ria Ricis Dikecam Bahayakan Anak Demi...](#)



[KINI TRENDING](#) sejam yang lepas

- Subsidi harus bersasar; bukan turut dinikmati orang kaya, industri - Anwar

Kerajaan memperuntukkan jumlah amat besar untuk pembayaran subsidi dalam belanjawan tahunannya. Malah, jumlah subsidi adalah lebih besar daripada peruntukan pembangunan dalam tempoh suku pertama 2021 hingga suku kedua 2022.

Walaupun pemberian subsidi bertujuan melindungi kebajikan rakyat, ia juga boleh mendatangkan mudarat kepada ekonomi negara dalam jangka panjang. Subsidi akan meningkatkan cukai, harga barang dan perkhidmatan serta menjelaskan kecekapan fungsi pengeluaran. Oleh itu, ia dianggap sebagai perbelanjaan tidak produktif dan menjelaskan pembangunan serta kelestarian ekonomi dalam jangka panjang.

Beri manfaat golongan kaya

Sebahagian besar jumlah subsidi di negara ini juga memberi manfaat lebih kepada golongan kaya atau T20. Ini kerana subsidi diberikan secara menyeluruh kepada semua rakyat tanpa mengira tahap pendapatan dan tanggungan isi rumah.

Contohnya, subsidi petrol diberikan kepada semua pemilik kenderaan lebih menguntungkan golongan kaya kerana golongan miskin atau B40 tidak memiliki kenderaan mewah yang memerlukan penggunaan petrol tinggi.

Bekas Menteri Kewangan yang kini Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Aziz, berkata bagi setiap ringgit subsidi petrol, 53 sen dimanfaatkan oleh T20 dan hanya 15 sen digunakan golongan B40.

Subsidi untuk kadar tol lebuh raya juga tidak memberi manfaat menyeluruh kerana ia hanya menguntungkan penduduk di Semenanjung. Begitu juga halnya dengan subsidi penggunaan tenaga elektrik yang kadar tarif sama diberikan untuk setiap rumah tanpa mengira saiz rumah.

Kerajaan berhadapan situasi mencabar akibat beban kewangan tinggi dalam melunaskan pemberian subsidi menyeluruh kepada rakyat. Maka, kerajaan baru dibentuk selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) perlu menimbangkan secara serius sama ada untuk meneruskan subsidi menyeluruh sedia ada atau membangunkan mekanisme baharu pemberian subsidi lebih bersasar dan mampan.

Subsidi perlu adil, lestari

Mekanisme baharu perlu supaya pemberian subsidi dilihat lebih adil, lestari dan dapat mencapai matlamat untuk meringankan beban golongan miskin yang berhak mendapat dokongan kewangan daripada kerajaan.

Bagaimanapun, harus diingat sebarang langkah drastik menamatkan subsidi pula akan menyebabkan peningkatan harga barang dan perkhidmatan secara tidak terkawal yang tentunya bakal menjelaskan kehidupan golongan miskin.

Oleh itu, kerajaan perlu mengkaji dan menilai secara mendalam kaedah perlu dilaksanakan untuk menambah baik mekanisme pemberian subsidi. Contohnya, kerajaan boleh memperkenalkan penggunaan kad subsidi yang mensasarkan golongan layak berdasarkan pendapatan dan tanggungan isi rumah. Indonesia sudah memperkenalkan penggunaan kad subsidi ini dengan jayanya bagi pembelian beras berkualiti rendah untuk golongan miskin.



[Buruh Rohingya Didakwa Lakukan Amang Seksual Terhadap Kanak-Kanak 12 Tahun](#)




[SOPHIA ALBARAKBAH](#) 2 jam yang lepas
[Osman Ali Kesal Dengan Spekulasi Timbul, Boleh Jatuhkan Maruah Aliff Aziz &...](#)



[ORANG KETIGA](#) 2 jam yang lepas
[\[VIDEO\] ‘Kami Berkawan Tapi Mula Ada Rasa Sayang’ – Dedah Pernah Didekati...](#)

SIRAPLIMAU



[DAPUR](#) Jan 9, 2023 @ 5:20pm

[Resepi Strawberry Yogurt Bread Viral, Rasa Masam-Masam Manis!](#)



[NUR](#) Jan 9, 2023 @ 4:27pm

[Ini Kedudukan Betul Solat Berjemaah Di Rumah, Imam Wanita Pun Tak Keliru Lagi!](#)



[SIHAT](#) Jan 9, 2023 @ 2:51pm

[Rupanya Makan Kulit Ayam Beri Kesan Tenang Pada Otak & Bantu Anak Tidur, Jangan...](#)



[INSPIRASI](#) Jan 9, 2023 @ 1:46pm

[Lelaki Berjaya Transformasi Rumah Usang Kepada Boho Scandinavian, Tak Ubah...](#)



[RAKYAT](#) Jan 9, 2023 @ 1:22pm

[MAIS Tak Iktiraf Pernikahan Di Thailand Kalau Tak Daftar Di Jabatan Agama](#)

Pemberian kad subsidi boleh dibuat berdasarkan tahap pendapatan dan tanggungan isi rumah yang perlu ditetapkan terlebih dahulu. Kerajaan boleh menggunakan data sedia ada diguna pakai dalam pemberian Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Kad subsidi boleh dihantar terus kepada setiap isi rumah yang layak tanpa sebarang syarat untuk mendaftar terlebih dahulu dengan kerajaan. LHDN perlu merekodkan amaun subsidi layak diberikan dalam setiap kad subsidi berdasarkan kategori pendapatan sedia ada, iaitu B40, M40 dan T20. Kaedah ini akan menjimatkan kos pelaksanaan.

Hanya satu kad subsidi diperlukan untuk setiap isi rumah untuk pembelian petrol, minyak masak, barang keperluan layak disubsidikan dan bantuan tunai yang bakal diberikan pada masa hadapan. Amaun dan kaedah pemberian subsidi boleh diubah suai secara dinamik berdasarkan perubahan kepada tahap pendapatan dan tanggungan setiap pemegang kad subsidi. Mekanisme sebegini membolehkan kerajaan mengurangkan atau memansuhkan subsidi secara beransur-ansur.

Penggunaan kad subsidi juga membolehkan kerajaan mendapatkan data mengenai corak perbelanjaan setiap pemegang kad (isi rumah) dan dipadankan dengan tahap pendapatan. Kaedah ini akan dapat membendung isu berkaitan aktiviti ekonomi bayangan (shadow economy).

Ketelusan dalam pelaksanaan dan penggunaan kad subsidi adalah penting. Ia membolehkan kerajaan melaraskan tahap subsidi berdasarkan keadaan ekonomi semasa, sekali gus dapat mengurangkan kesan buruk daripada pemansuhan subsidi menyeluruh. Penggunaan kad subsidi juga akan dapat meminimumkan ketirisan dalam pemberian subsidi.

Penstrukturkan semula mekanisme pemberian subsidi menyeluruh diamalkan sekarang perlu dibuat secara beransur-ansur demi mengurangkan kesannya kepada harga barang. Kerajaan juga perlu lebih jelas akan objektif pemberian subsidi bersasar dan telus dalam perkongsian maklumat mekanisme subsidi sebelum dan selepas pelaksanaannya.

Kesedaran mengenai objektif dan mekanisme pemberian subsidi bersasar serta kelayakan mendapatkannya adalah penting untuk membanteras salah guna kuasa dan memastikan kejayaan pelaksanaan serta penguatkuasaan mekanisme berkenaan.

Sok Gee adalah Profesor Madya Institut Pengajian China, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM), manakala Zulkufly adalah Prof Madya Jabatan Kewangan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM)

BERITA BERKAITAN



[NASIONAL](#) Dis 23, 2022 @ 8:26pm

[Mekanisme subsidi bersasar perlu diwujudkan segera](#)



[NASIONAL](#) Dis 2, 2022 @ 1:24pm

[CAP gesa kerajaan segera laksana subsidi bersasar](#)



NASIONAL Nov 28, 2022 @ 2:29pm

'Kenal pasti siapa sepatutnya golongan dapat subsidi bersasar'

NASIONAL Dis 26, 2022 @ 1:32pm

Subsidi bersasar RON95 guna cc kenderaan tidak adil



Berita terkini setiap pagi

Dapatkan Berita Pilihan

Berita Harian dalam e-mel anda

Name

Alamat E-mel

Dengan melanggan, anda bersetuju dengan [Term of Use](#) dan [Privacy Policy](#)

[Daftar Sekarang](#)



IKUTI KAMI DI:



BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
[Foto](#)
[BHTV](#)
[Infografik](#)

LANGGAN
[Akhbar Digital](#)
[Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN
[Iklan Web](#)
[1Klassifieds](#)
[NSTP KLICK](#)

RADIO
[Dapatkan Audio+](#)
[Hot FM](#)
[Buletin FM](#)
[Fly FM](#)
[8FM](#)
[Molek FM](#)